

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN MESYUARAT
KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULU LANGAT]

TARIKH : 24 MEI 2016 (SELASA)

SOALAN

Dr. Che Rosli Bin Che Mat minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan hasil kejayaan pemasangan Sel Fotovoltik (Solar Sel) di bangunan Kerajaan sebagaimana yang dibentang oleh YAB Perdana Menteri dalam Bajet 2014 lepas dan penjimatan yang diperolehi.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Dalam bajet 2014, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM8juta untuk pemasangan Sistem Solar Fotovolta (PV) Tersambung Grid di bangunan-bangunan Kerajaan terpilih. Pemasangan Sistem Solar PV bertujuan untuk menggalakkan penggunaan tenaga hijau untuk mengurangkan pelepasan gas karbon dioksida di samping mengurangkan bil elektrik di bangunan-bangunan Kerajaan serta memupuk kesedaran mengenai penggunaan Tenaga Boleh Baharu (TBB).

2. Melalui program tersebut, sebanyak 25 buah Kementerian di Putrajaya telah dipasang dengan sistem solar PV berkapasiti di antara 12 hingga 48kW berdasarkan keluasan dan jenis bumbung bangunan-bangunan tersebut. Jumlah kapasiti bagi 25 sistem PV yang dipasang adalah 670kW dengan anggaran penjanaan elektrik sebanyak 870MWj setahun manakala penjimatan bil elektrik yang dihasilkan ialah RM340,000 setahun.

NO. SOALAN: 101

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [KULAI]

TARIKH : 24 MEI 2016

RUJUKAN : 9150

SOALAN:

Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada tindakan disiplin telah diambil terhadap anggota PDRM yang terlibat dalam kematian N Dharmendran dan Syed Mohd Azlan Syed.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam kes kematian yang melibatkan penama N.Dharmendran, seorang pegawai polis berpangkat Inspektor dan 3 orang pegawai rendah polis telah dituduh di Mahkamah di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan. Dalam perbicaraan kesemua mereka didapati tidak bersalah dan telah dibebaskan. Pihak pendakwaraya membuat rayuan kepada Mahkamah Persekutuan dan kes ini masih dalam perbicaraan. Kesemua mereka telah diambil tindakan "Tahan Kerja" bagi memudahkan proses perbicaraan.

Dalam kes Syed Mohd Azlan, kes ini masih lagi dalam peringkat siasatan, tiada tindakan tatatertib diambil ketika ini sehingga siasatan selesai dan arahan daripada Timbalan Pendakwa Raya diperolehi.